

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai statistik pengkelasan pendapatan isi rumah terkini mengikut kelas bagi kawasan Parlimen Cameron Highlands.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS & BA) merupakan survei berkala yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun. Tujuan utama survei ini adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan isi rumah dan mendapatkan statistik terkini berkaitan dengan isi rumah miskin. HIS & BA merupakan survei secara sampel yang meliputi negeri dan kawasan bandar dan luar bandar. Penemuan survei terkini adalah bagi tahun 2019.

2. Berdasarkan penemuan daripada HIS & BA 2019, terdapat sebanyak 7,798 isi rumah warganegara Malaysia di Cameron Highlands. Purata dan penengah pendapatan kasar isi rumah di daerah ini adalah RM 6,576 dan RM5,729, masing-masing. Sebanyak 17.9 peratus isi rumah di Cameron

Highlands berpendapatan di antara RM3,000 hingga RM4,000, diikuti dengan 17.6 peratus isi rumah berpendapatan RM4,000 hingga RM5,000 dan 12.1 peratus isi rumah berpendapatan RM5,000 hingga RM6,000. Selain daripada itu, terdapat 14.2 peratus isi rumah berpendapatan RM10,000 dan ke atas. Perincian bilangan dan peratusan isi rumah mengikut selang kelas pendapatan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Bilangan dan Peratusan Isi Rumah mengikut Kelas Pendapatan, Cameron Highlands, Pahang, 2019

Kelas Pendapatan	Bil Isi Rumah	Peratus (%)
Jumlah	7,798	100.0
Kurang daripada RM2,000	111	1.4
RM2,000 – RM3,000	348	4.5
RM3,000 – RM4,000	1,392	17.9
RM4,000 – RM5,000	1,376	17.6
RM5,000 – RM6,000	945	12.1
RM6,000 – RM7,000	691	8.9
RM7,000 – RM8,000	911	11.7
RM8,000 – RM9,000	547	7.0
RM9,000 – RM10,000	382	4.9
RM10,000 – RM11,000	254	3.3
RM11,000 – RM12,000	271	3.5
RM12,000 – RM13,000	171	2.2
RM13,000 – RM14,000	105	1.4
RM14,000 – RM15,000	28	0.4
RM15,000 ke atas	265	3.4